



## MNRB HOLDINGS BERHAD

Pada awal tahun 1965, Kerajaan Malaysia telah mencapai satu persetujuan bagi menubuhkan sebuah syarikat insurans semula nasional untuk mengurangkan pengaliran premium ke luar negara yang kian meningkat. Satu kajian kebolehlaksanaan mengenai pembentukan syarikat sedemikian telah dijalankan pada tahun 1971 dan pada 30 Disember 1972, Malaysian National Reinsurance Berhad telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 dan telah memulakan operasinya pada 19 Februari 1973. Berkuatkuasa 1 April 2005, sebagai sebahagian daripada pelaksanaan penstrukturan semula Kumpulan MNRB, perniagaan insurans semula, lesen insurans semula dan aset insurans semula dengan jumlah bersih sebanyak RM400 juta, telah dipindahkan daripada Malaysian National Reinsurance Berhad ke Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re).

Menurut pelaksanaan penstrukturan semula tersebut, Malaysian National Reinsurance Berhad kini merupakan sebuah syarikat pemegang pelaburan dan diberi nama baru, iaitu MNRB Holdings Berhad.

*Dipercayai*

**berdekad  
lamanya**



## profil KORPORAT

**MNRB HOLDINGS BERHAD (MNRB)**, merupakan syarikat pemegang pelaburan yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities). Anak-anak syarikat milik penuh MNRB adalah Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re), sebuah syarikat insurans semula am, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (Takaful IKHLAS), sebuah syarikat pengendali Takaful, MNRB Retakaful Berhad (MRT) yang merupakan sebuah syarikat takaful semula am dan keluarga serta Malaysian Re (Dubai) Ltd. (MRDL), sebuah syarikat yang diperbadankan di Dubai, U.A.E. bagi mengunderait perniagaan insurans semula Malaysian Re dan juga untuk memberikan perkhidmatan kepada rakan niaga Malaysian Re di Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA). Salah sebuah anak syarikat MNRB juga adalah MMIP Services Sdn. Bhd. (MSSB) yang ditubuhkan untuk menguruskan pentadbiran Gemblengan Insurans Motor Malaysia (MMIP), satu gemblengan yang diwujudkan oleh industri insurans untuk menyediakan perlindungan insurans bagi pemilik kenderaan yang mengalami kesukaran untuk mendapatkan perlindungan.

Di samping itu, Motordata Research Consortium Sdn. Bhd. (MRC), sebuah syarikat yang menguruskan pangkalan data untuk bahagian-bahagian motor, harga-harga dan pembaikan yang mengikut piawaian merupakan syarikat bersekutu MNRB, manakala Labuan Reinsurance (L) Ltd. (Labuan Re), sebuah syarikat insurans semula luar pesisir yang diperbadankan di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan (IOFC), merupakan syarikat bersekutu Malaysian Re.

Berbekalkan pengalaman serta pengetahuan yang luas dalam insurans semula, takaful dan takaful semula, latar belakang kewangan dan sokongan yang kukuh daripada pemegang saham iaitu Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan pelbagai skim unit Amanah Saham PNB, Kumpulan MNRB akan terus berkembang sebagai satu perbadanan yang diiktiraf dan dikenali bukan sahaja di peringkat tempatan malahan di peringkat antarabangsa.

### STRUKTUR MODAL

Syarikat mempunyai Modal Dibenarkan berjumlah RM500 juta, yang terbahagi kepada 500 juta saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan Modal Berbayar berjumlah RM213 juta, yang dibahagikan kepada 213 juta saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.